

SULIT

PANITIA KESUSASTERAAN MELAYU KOMUNIKATIF NEGERI KEDAH

MODUL PENINGKATAN PRESTASI MURID TINGKATAN 5

KESUSASTERAAN MELAYU KOMUNIKATIF TAHUN 2025

2216/1(PP)

KERTAS 1

Peraturan Pemarkahan

UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA

Peraturan pemarkahan ini mengandungi **18** halaman bercetak

PERATURAN PEMARKAHAN

Pemberian markah berdasarkan isi dan penyampaian.

(a) Isi

Markah bagi isi berdasarkan peraturan pemarkahan yang ditetapkan.

(i) Fakta berserta huraian / contoh

2 markah
[1+1 markah]

3 markah
[1+2 markah]

4 markah
[2+2 markah]

(ii) Fakta tanpa contoh

1, 2 @ 4 markah

(iii) Fakta betul, contoh salah

1 @ 2 markah

(iv) Fakta salah, contoh betul

0 markah

(b) Penyampaian

(i) Jawapan **Bahagian A** dalam bentuk **struktur / jawapan ringkas / jawapan pendek**.
Jawapan **Bahagian B** dalam bentuk esei.

(ii) Menggunakan bahasa yang betul.

(iii) Menggunakan ejaan yang betul dan lengkap.

(iv) Soalan perbandingan dikehendaki mengikut perbandingan terus.

BAHAGIAN A
[40 markah]

1 Sudut pandangan		Markah
	Sudut pandangan orang ketiga	1
(i)	Reaksi <u>mereka</u> yang menonton berita pada malam itu dari segenap ceruk rantau tentu sekali berbagai-bagai. / mereka	1
(ii)	Seorang <u>tukang gunting</u> di kedainya, misalnya yang menonton sambil sedang memotong rambut seorang pelanggan mencicip-cicip bibirnya mengeluarkan bunyi “chet chet chet” seperti seekor burung sambil menggeleng-geleng. / Seorang tukang gunting	1
(iii)	Seorang tukang gunting di kedainya, misalnya yang menonton sambil sedang memotong rambut seorang pelanggan mencicip-cicip bibirnya mengeluarkan bunyi “chet chet chet” seperti seekor burung sambil menggeleng-geleng. / nya	1
(iv)	Seorang tukang gunting di kedainya, misalnya yang menonton sambil sedang memotong rambut <u>seorang pelanggan</u> mencicip-cicip bibirnya mengeluarkan bunyi “chet chet chet” seperti seekor burung sambil menggeleng-geleng. / seorang pelanggan	1
(v)	Seorang tukang gunting di kedainya, misalnya yang menonton sambil sedang memotong rambut seorang pelanggan mencicip-cicip bibirnya mengeluarkan bunyi “chet chet chet” seperti seekor burung sambil menggeleng-geleng. / nya	1
(vi)	Seorang <u>atuk</u> di dalam rumah papannya yang sunyi di hujung sebuah kampung hanya mengelip-ngelipkan mata menatap apa-apa yang terpapar di skrin. / Seorang atuk	1
(vii)	Seorang atuk di dalam rumah papannya yang sunyi di hujung sebuah kampung hanya mengelip-ngelipkan mata menatap apa-apa yang terpapar di skrin. / nya	1
[Maksimum: 4 markah]		
2 Gaya bahasa		
(i)	Hiperbola Contoh: Sudah beratus tahun saya berasa bersalah atas penipuan dan pengkhianatan yang saya dan Light lakukan terhadap Sultan Muhammad Jiwa, Sultan Abdullah dan orang Melayu.	[1+1]
(ii)	Repitisi kata Contoh: Saya / malu / dan / orang / tak / masih	[1+1]
(iii)	Bahasa asing Contoh: <i>What a shame! / Thank you, God</i>	[1+1]
(iv)	Sinkope Contoh: tak	[1+1]
(v)	Repitisi frasa Contoh: Nama saya	[1+1]
[Maksimum: 4 markah]		

[Lihat halaman sebelah

3 Latar Masyarakat		
(i)	Masyarakat Jepun Contoh: Sebermula Si Jepun yang bertujuh itu pun terlalu amarah serta katanya, "Cih, tiada berbudi Melayu ini!	[1+1]
(ii)	Masyarakat hulubalang Contoh: Ia hendak menunjukkan beraninya kepadaku," lalu ia menghunus pedangnya lalu diparangnya segala hulubalang yang di hadapan itu.	[1+1]
(iii)	Masyarakat bangsawan Siam Contoh: Maka gemparlah segala oban dan okun, aprak, amum-amum pun habis berterjunan di balairung itu.	[1+1]
[Maksimum: 4 markah]		
4 Nilai		
(i)	Nilai kesetiaan Contoh: Engkau menjadi anak yang amat setia kepada ibumu.	[1+1]
(ii)	Nilai tanggungjawab Contoh: Selama lima tahun aku di tanah Inggeris, dialah yang menyara belanja universitiku. ...	[1+1]
(iii)	Nilai pengorbanan Contoh: Dia berjuang sehabis tenaganya, berkorban apa sahaja yang ada padanya hingga tanah-tanah kami tergadai dan	[1+1]
[Maksimum: 4 markah]		
5 Latar Tempat		
(i)	Bilik mesyuarat Contoh: Ketika hadirin mula meninggalkan <u>bilik mesyuarat</u> , Tuan Wakil melambai jeneral, memanggilnya datang. / Hanya mereka berdua di <u>bilik mesyuarat</u> , ketika Tuan Wakil melemparkan sampul surat ke atas meja.	[1+1]
(ii)	Pekarangan Contoh: Sambil tersenyum jeneral mendekatnya, tidak menyedari ketibaan dua buah kereta polis Ogonshoto seperti warna paus biru memasuki <u>pekarangan</u> , kerana kereta-kereta itu tidak membunyikan siren.	[1+1]
(iii)	Atas meja Contoh: Hanya mereka berdua di bilik mesyuarat, ketika Tuan Wakil melemparkan sampul surat ke <u>atas meja</u> .	[1+1]
(iv)	Dalam sampul Contoh: "Lihatlah gambar-gambar <u>dalam sampul</u> ini. / "Gambar?" tanya jeneral kehairanan, tetapi tangannya terus menarik keluar beberapa keping gambar dari <u>dalam sampul</u> .	[1+1]
[Maksimum: 4 markah]		

6 Teknik plot		
(i)	Teknik imbas kembali Contoh: Itulah penyu raksasa yang pernah dilihatnya hampir setahun lalu.	[1+1]
(ii)	Teknik pemerian Contoh: Penyu yang berenang itu menyusup betul-betul di bawah sampan cadiknya.	[1+1]
(ii)	Teknik dialog Contoh: “Kau tunggu di sini,” kata nakhoda lalu menyerahkan teropong kepada lelaki itu. “Bahtera ini perlu diluncurkan ke laut, sekarang.” “Kita akan belayar sekarang?” “Tidak,” jawab nakhoda. / perbualan antara nakhoda dengan lelaki itu.	[1+1]
(iii)	Teknik imbas muka Contoh: Kita belayar esok, ketika bangunnya dewi fajar.	[1+1]
[Maksimum: 4 markah]		
7 Ciri Kepemimpinan Sang Nata		
(i)	Pemimpin yang reda / percaya dengan takdir Tuhan Contoh: “Hai adinda, janganlah adinda berkata demikian! Sudahlah dengan kuasa Dewata Mulia Raya anakanda kita berkahwin dengan Ken Tambohan itu.”	[2+2]
(ii)	Pemimpin yang rasional dalam tindakan Contoh: “... . Janganlah adinda terlalu sangat murka kepada Raden Menteri itu. Nanti hiba hatinya dan lari ia kelak. Biarlah ia duduk di istana Ken Tambohan itu.”	[2+2]
[Maksimum: 4 markah]		
8 Unsur bunyi		
(i)	Asonansi Contoh: Mencari <u>halia</u> di <u>dalam</u> <u>huma</u> / Mencari halia di dalam huma (pengulangan bunyi vokal a)	[1+1]
(ii)	Aliterasi Contoh: <u>Nilai</u> <u>majikan</u> <u>penuh</u> <u>keihsanan</u> / Nilai majikan penuh keihsanan (pengulangan bunyi konsonan n)	[1+1]
(iii)	Rima akhir Contoh: Rima akhir berselang / abcabc	[1+1]
[Maksimum: 4 markah]		

[Lihat halaman sebelah

9 Pandangan terhadap perwatakan Sharifah		
(i)	Bertatacara / Beradat dalam majlis Contoh: Dia berkelakuan mengikut protokol. Pakaian mesti begini dan begitu. Cara jalannya mesti begini dan begitu. Apabila bersalaman, jangan genggam erat, tapak tangan mesti lurus dan sentuh sedikit sahaja tapak tangan orang yang bersalaman dengannya.	[2+2]
(ii)	Pentingkan penampilan diri Contoh: Tiga bulan dulu, dia cuma memakai pakaian rekaan pereka terkenal. Kasut dan beg tangan mesti meriah dan bukan daripada jenis klon.	[2+2]
[Maksimum: 4 markah]		
10 Unsur patriotisme		
(i)	Menentang ancaman musuh negara. Contoh: Marilah kita tentang perobek angin musim sentosa Hingga luluh sayapnya melayang ke gurun-gurun yang saujana	[2+2]
(ii)	Bersyukur atas keamanan negara Contoh: Marilah kita lestarikan limpah rahmat bernafaskan kasih luhur Dengan jiwa paling bening tunduk dan syukur.	[2+2]
[Maksimum: 4 markah]		

BAHAGIAN B [60 markah]		
11 (a) Perlakuan Anna		
(i)	<i>ANNA mengambil majalah</i>	1
(ii)	<i>membelek-beleknya dengan perhatian yang tak penuh.</i>	1
(iii)	<i>ANNA memerhatikannya dari jauh,</i>	1
(iv)	<i>mengeluh</i>	1
(v)	<i>lalu bangun berjalan ke depan sambil menyebut 'Daddy dear' beberapa kali,</i>	1
(vi)	<i>berjalan lagi</i>	1
(vii)	<i>duduk semula di tempatnya.</i>	1
(viii)	<i>Di tempat duduknya itu dia membisikkan 'poor Zaki'</i>	1
(ix)	<i>menggeleng-gelengkan kepalanya.</i>	1
[Maksimum: 4 markah]		
(b) Latar masyarakat		
(i)	Masyarakat yang penyayang Huraian: Zaki ingin membahagiakan sisa-sisa hidup ibunya / Mak Munah manakala Thomas Carpenter / bapa Anna cuba menghalang perkahwinan Anna dan Zaki kerana tidak mahu Anna menderita.	[2+2]
(ii)	Masyarakat yang mengamalkan perkahwinan campur Huraian: Thomas Carpenter / ayah Anna seorang Inggeris berkahwin dengan ibu Anna / wanita Melayu manakala Anna peranakan Inggeris dan Melayu berkahwin dengan Zaki yang berbangsa Melayu.	[2+2]
(iii)	Masyarakat yang berpendidikan tinggi Huraian: Anna dan Zaki belajar di Universiti Cambridge / universiti luar negara manakala Dr. Chan berkelulusan dalam bidang perubatan.	[2+2]
(iv)	Masyarakat Melayu Huraian: Zaki dan Mak Munah / ibu Anna berbangsa / berketurunan Melayu	[2+2]
(v)	Masyarakat yang berbilang kaum / majmuk Huraian: Zaki / Mak Munah berbangsa / berketurunan Melayu manakala Anna peranakan Inggeris dan Melayu / Dr Chan berbangsa / berketurunan Cina.	[2+2]
(vi)	Masyarakat yang sanggup berkorban Huraian: Mak Munah menggadaikan tanahnya untuk membiayai pengajian Zaki di universiti manakala Anna meninggalkan pengajiannya di universiti dan bapanya di England semata-mata untuk berkahwin dengan Zaki.	[2+2]

[Lihat halaman sebelah

(vii)	Masyarakat yang kejam Huraian: Komunis telah menembak mati ibu Anna kerana telah berkahwin dengan Thomas Carpenter / orang Inggeris	[2+2]
(viii)	Masyarakat yang prihatin Huraian: Mak Munah dan Dr. Chan memujuk / menasihati Anna supaya tidak pulang ke London meninggalkan Zaki / Tina	[2+2]
[Maksimum: 8 markah]		
(c)	Pengkaryaan - Sambung petikan dialog	
(i)	Idea / isi	2
(ii)	Teknik	2
(iii)	Bahasa	2
(iv)	Kreativiti	2
[Maksimum: 8 markah]		
Nota 1. Isi yang ada kesinambungan dengan petikan, berikan 0 markah untuk idea / isi. 2. Jika calon menulis kurang daripada enam dialog, berikan maksimum 4 markah. 3. Jika jumlah markah isi, teknik dan bahasa ialah 6, berikan markah kreativiti 2 markah. 4. Jika calon menulis lebih daripada 8 dialog, periksa seperti biasa.		

12 (a) Kesusahan hidup di kampung		
(i)	Aku masih ingat untuk tiba di jalan bertar kenalah menaiki basikal di atas batas yang lebar merentas sawah sejauh kira-kira tiga kilometer.	1
(ii)	Kemudian ada empat kilometer lagi untuk tiba di sekolah.	1
(iii)	Paling teruk apabila musim tengkujuh. Kena jalan kaki kerana batas sawah lecek.	1
(iv)	Untuk basuh-membasuh kami guna air sungai, air telaga dan air hujan yang ditakung.	1
(v)	Pada waktu malam pula, kami menggunakan pelita dan gasolin sahaja.	1
[Maksimum: 4 markah]		
(b) Pengajaran		
(i)	Kita janganlah menghina orang lain Contoh: Tuk Nyan / orang kampung menghina Pak Mid dengan gelaran orang gila kerana menanam pokok hutan.	[2+2]
(ii)	Kita hendaklah mempunyai wawasan / berpandangan jauh Contoh: Pak Mid berwawasan tinggi / berpandangan jauh apabila menanam pokok-pokok hutan kerana mengetahui nilai pokok-pokok tersebut pada masa akan datang	[2+2]

(iii)	Kita hendaklah bersabar Contoh: Pak Mid tetap tersenyum dan melayan penduduk kampung dengan mesra walaupun dia tahu ramai yang memerli / menghina dengan gelaran orang gila.	[2+2]
(iv)	Kita hendaklah gigih berusaha Contoh: Pak Mid masih meneruskan usahanya menanam pokok-pokok hutan walaupun sering dihina oleh orang kampung sebagai orang gila.	[2+2]
(v)	Kita hendaklah mencintai alam sekitar Contoh: Pak Mid menanam pokok hutan / menjaga pokok-pokok ulam di tebing sungai. / 'Aku' melanjutkan pelajaran dalam bidang zoologi / Zul merupakan siswazah perhutanan.	[2+2]
(vi)	Kita janganlah mempercayai perkara karut Contoh: Orang-orang kampung percaya bahawa anak-anak yang bermain di belukar buatan Pak Mid akan disembunyikan oleh orang bunian.	[2+2]
(vii)	Kita hendaklah bertanggungjawab Contoh: Pak Mid menyediakan rumah / tempat tinggal yang lengkap dengan kemudahan asas kepada keluarganya / Pak Mid menggunakan wang pampasan yang diterimanya untuk membiayai pendidikan anak-anaknya	[2+2]
(viii)	Kita hendaklah sentiasa bermurah hati Contoh: Pak Mid telah menyumbangkan lima puluh helai sejadah kepada surau di kampung hasil daripada pampasan tanah yang diterimanya.	[2+2]
(ix)	Kita hendaklah sentiasa berdoa kepada Tuhan Contoh: Pak Mid percaya di samping berusaha, berdoa kepada Allah penting jika mahu berjaya dalam apa-apa jua yang dicitakan.	[2+2]
(x)	Kita hendaklah bersyukur kepada Tuhan Contoh: Pak Mid bersyukur kepada Tuhan kerana usahanya menanam pokok hutan diberikan pampasan yang lumayan oleh pihak kerajaan apabila tanahnya diambil. / anak-anaknya berjaya dalam bidang akademik.	
(xi)	Kita hendaklah menyediakan / memberi peluang kepada golongan muda Contoh: Golongan / anak-anak muda di kampung dilantik menganggotai lembaga masjid	[2+2]
[Maksimum: 8 markah]		

[Lihat halaman sebelah

(c) Adaptasi - Sambung petikan cerpen		
(i)	Idea / Isi	2
(ii)	Teknik	2
(iii)	Bahasa	2
(iv)	Kreativiti	2
		[Maksimum: 8 markah]
Nota 1. Jika calon menghasilkan karya kurang daripada 80 patah perkataan, berikan maksimum 1 markah untuk isi. 2. Calon mengemukakan satu teknik plot, berikan maksimum 1 markah untuk teknik.		

13 (a) Isi kajian ilmiah 'dia'		
(i)	Isinya menyentuh sebab-sebab dan tarikh kemunculan sesuatu kumpulan haram	1
(ii)	pelantikan ketua dan pengambilan ahli	1
(iii)	ritual menjadi ahli	1
(iv)	cara mengambil kawasan dan meluaskan kawasan	1
(v)	kaedah menyeksa dan membunuh musuh	1
(vi)	tanda pengenalan sesuatu kumpulan	1
(vii)	serta tanggungjawab semua ahli	1
(viii)	sumber-sumber hasil	1
(ix)	hukuman kepada ahli yang belot	1
(x)	cara melawan pihak berkuasa	1
		[Maksimum: 4 markah]
(b) Saranan nilai terhadap perwatakan Presiden		
(i)	Nilai kejujuran dalam menyampaikan maklumat Huraian: Presiden sepatutnya memberikan maklumat yang benar / betul tentang dirinya dalam penulisan buku biografinya.	[2+2]
(ii)	Nilai kasih sayang terhadap orang lain Huraian: Presiden sepatutnya menunjukkan kasih sayang terhadap anak angkatnya / Pemuda Banaba bukannya mencederakan pemuda tersebut dengan kejam sehingga cacat kemudian meninggalkannya di dalam hutan.	[2+2]



(iii)	Nilai cinta akan alam sekitar. Huraian: Presiden sepatutnya tidak meluluskan / bersetuju dengan rancangan pembangunan di Tubua yang akan memusnahkan alam sekitar sehingga mencetuskan protes penduduk.	[2+2]
(iv)	Nilai keadilan dalam pemerintahan Huraian: Presiden sepatutnya mengagihkan kekayaan negara secara adil kepada rakyat Ogonshoto tanpa mengutamakan kroni / penyokong-penyokong politiknya.	[2+2]
(v)	Nilai cinta akan negara Huraian: Presiden sepatutnya melindungi / menjaga khazanah negara / daratan Ogonshoto daripada dijual kepada orang asing.	[2+2]
(vi)	Nilai rasional dalam tindakan Huraian: Presiden sepatutnya mencari kaedah yang lebih sesuai untuk mengatasi masalah bekalan air di Ogonshoto yang akan dilanda kemarau panjang berbanding menarik aisberg merentasi lautan ke Ogonshoto.	[2+2]
(vii)	Nilai ketegasan dalam membuat keputusan Huraian: Presiden sepatutnya bertindak tegas bukannya menuruti permintaan / ugutan para pemilik kren / syarikat pembalakan / pemilik kapal supaya menggandakan bayaran tiga kali dan dilunaskan sebelum aisberg tiba.	[2+2]
(vii)	Nilai hemah tinggi / kesopanan dalam tingkah laku / perlakuan Huraian: Presiden sepatutnya menghargai usaha resi muda yang telah berjaya menghasilkan karya yang hidup dalam sayembara dianjurkan bukannya memusnahkan karya tersebut menggunakan kelapa emas yang sepatutnya menjadi hadiah sayembara tersebut.	[2+2]
(viii)	Nilai amanah dalam pemerintahan Huraian: Presiden sepatutnya tidak memberi rasuah kepada musuh-musuh politiknya untuk mendapatkan sokongan dalam pemerintahannya	[2+2]
(ix)	Nilai toleransi dalam pemerintahan Huraian: Presiden sepatutnya berfikiran terbuka untuk menerima kritikan daripada mahasiswa / petani / nelayan / wartawan / seniman / pembangkang bukannya menghukum mereka.	[2+2]
[Maksimum: 8 markah]		
(c) Isu masyarakat		
(i)	Isu perancangan pembangunan yang memusnahkan alam sekitar dalam masyarakat. Huraian: Orang-orang Presiden dengan restunya merancang untuk membangunkan pusat hiburan dan perjudian di Tubua yang boleh memusnahkan alam sekitar.	[2+2]
(ii)	Isu perjuangan mempertahankan alam sekitar dalam masyarakat Huraian: Penduduk di pedalaman Tubua melancarkan protes membantah rancangan pembangunan di Tubua kerana akan menyebabkan kemusnahan alam sekitar.	[2+2]

[Lihat halaman sebelah

(iii)	Isu ketidakjujuran pemimpin dalam masyarakat Huraian: Orang-orang Presiden tidak menyampaikan maklumat benar tentang protes yang berlaku di Tubua kepada Presiden. / Nelayan tua dari Kuri menyamar / berpura-pura menyokong protes penduduk Tubua untuk memerangkap / menggagalkan rancangan protes mereka.	[2+2]
(iv)	Isu pengabaian adat resam dalam masyarakat Huraian: Penduduk di Rai-Rapa / Futu-Ata / Gora-Gora tidak lagi menghargai adat turun-temurun / lama yang menyelesaikan masalah melalui perbincangan.	[2+2]
(v)	Isu gejala sosial dalam masyarakat Huraian: Budaya minum sake Gora-Gora menyebabkan lelaki tua itu mabuk dan hilang kewarasan / tidak mengenal jenis ikan / dirinya sendiri. / Tubua akan dibangunkan dengan pembinaan pusat hiburan dan perjudian yang boleh menyebabkan gejala sosial dalam kalangan penduduk.	[2+2]
[Maksimum : 8 markah]		
14 (a) Ciri sastera hikayat		
(i)	Ada unsur kesaktian Huraian: Budak miskin meletakkan cincin hikmat sambil dicitanya dua hidangan nasi lalu hidangan tersebut segera muncul. / Budak miskin memalu tongkat sakti sebanyak tiga kali di tepi kolam menyebabkan hulubalang naga tidak dapat bergerak. / Budak miskin yang kelaparan menggertak tongkat sakti lalu keluar nasi sehidang untuk dimakan bersama dengan anak helang dan anak tikus. / Budak miskin melihat sebilah parang puting sedang menebang kayu dengan sendirinya. / Budak miskin diberitahu oleh orang tua kegunaan parang puting boleh mengerat sendiri, boleh disuruh melawan musuh dan boleh membesarkan dirinya. / Permaisuri kepada Raja Indera Maha Dewa hamil selepas memakan buah mempelam yang dijatuhkan oleh Betara Kala di hadapan jalan Raja Indera Maha Dewa.	[1+1]
(ii)	Ada unsur pengembaraan Huraian: Budak miskin bersama anak tikus dan anak helang mengembara di dalam hutan sehingga ke Tasik Hijau untuk mencari anak ular naga yang hilang / Raja Indera Maha Dewa dan permaisurinya mengembara ke Pulau Cahaya Purnama untuk berkaul kerana ingin mendapatkan anak / putera.	[1+1]
(iii)	Latar tempat tidak tentu Huraian: Peristiwa berlaku di rumah bonda budak miskin, hutan, rumah Syahbandar, istana raja, balai raja, kampung raja, Tasik Hijau, kolam, rumah orang tua, Pulau Cahaya Purnama dan lautan. Nota: Mesti menyatakan sekurang-kurangnya dua latar tempat yang berbeza	[1+1]
(iv)	Percaya kepada dewa dewi Huraian: Raja Indera Maha Dewa pergi berkaul di Pulau Cahaya Purnama untuk meminta kepada Dewata Mulia Raya supaya dikurniakan seorang putera.	[1+1]

(v)	Watak terdiri daripada manusia, haiwan dan dewa dewi Huraian: Watak manusia ialah budak miskin / bonda budak miskin / Syahbandar / raja / orang tua / Raja Indera Maha Dewa / sahaya manakala watak haiwan ialah anak ular naga / anak helang / anak tikus / datuk naga / bonda naga / hulubalang naga / raja naga sementara watak dewa pula ialah Betara Kala. Nota: Contoh mesti menyatakan sekurang-kurangnya satu watak bagi manusia, haiwan dan dewa	[1+1]
[Maksimum: 4 markah]		
(b) Persoalan		
(i)	Kepatuhan kepada perintah. Contoh: Budak miskin patuh perintah Syahbandar supaya membawa anak ular naga ke rumahnya untuk dilihatnya / ke istana untuk dilihat oleh raja / Syahbandar patuh perintah raja supaya meminta budak miskin membawa anak ular naga ke istana untuk dilihat oleh baginda. / Hulubalang naga patuh perintah bonda naga mencari budak miskin untuk menukarkan tongkat sakti dengan cincin hikmat. / Para pembesar patuh perintah Raja Indera Maha Dewa membuat persiapan untuk pergi berkaul di Pulau Cahaya Purnama.	[2+2]
(ii)	Kasih sayang terhadap haiwan Contoh: Budak miskin sayang akan anak helang / anak tikus / anak ular naga sehingga makan, tidur dan bermain bersama-sama mereka.	[2+2]
(iii)	Kesopanan / hemah tinggi dalam perlakuan / tingkah laku Contoh: Budak miskin memohon izin untuk pulang setelah bermain-main di rumah Syahbandar / istana raja kerana hari hampir malam / Syahbandar memohon izin untuk pulang ke rumah untuk menyampaikan perintah raja kepada budak miskin / Syahbandar memohon izin untuk pulang setelah menziarahi bonda budak miskin yang kehilangan anaknya. / Budak miskin memohon izin untuk bermalam di rumah orang tua / pemilik parang puting.	[2+2]
(iv)	Murah hati terhadap orang lain Contoh: Syahbandar / orang kampung bermurah hati memberikan beras / padi / ubi / pisang / keladi / buah-buahan / kain baju kepada budak miskin setelah melihat budak miskin bermain-main dengan anak naganya. / Raja / para pembesar bermurah hati memberikan kurnia dua orang sahaya / hamba / kain / baju / beras / padi kepada budak miskin setelah melihat budak miskin bermain-main dengan anak naganya. / Budak miskin menggertak tongkat sakti lalu keluar nasi sehidang dan mempelawa orang tua untuk makan bersama-sama.	[2+2]

[Lihat halaman sebelah

(v)	Rasional dalam tindakan Contoh: Anak ular naga bertindak secara rasional lari meninggalkan sungai tempat dia berendam kerana bimbang badannya yang semakin besar akan membinasakan negeri sehingga menyebabkan budak miskin dimurkai oleh raja / dia dibunuh oleh orang.	[2+2]
(vi)	Setia kawan dalam persahabatan Contoh: Budak miskin bersama anak helang dan anak tikus mengembara ke dalam hutan hingga ke Tasik Hijau untuk mencari anak ular naga yang hilang.	[2+2]
(vii)	Keberanian menghadapi cabaran Contoh: Budak miskin bersama anak helang dan anak tikus berani mengembara ke dalam hutan hingga ke Tasik Hijau untuk mencari anak ular naga yang hilang. / budak miskin berani meminta cincin hikmat yang berada di dalam mulut datuk naga seperti nasihat anak ular naga.	[2+2]
(viii)	Mengenang jasa / budi orang lain Contoh: Datuk naga memberikan cincin hikmat yang berada di dalam mulutnya kepada budak miskin sebagai menghargai jasa budak miskin yang menjaga / membesarkan anak ular naga / cucunya.	[2+2]
(ix)	Kasih sayang terhadap keluarga. Contoh: Bonda budak miskin meminta sahaya / hambanya pergi mencari budak miskin yang hilang. / Bonda budak miskin menangihi kehilangan budak miskin.	[2+2]
(xi)	Keprihatinan terhadap orang bawahan / rakyat Contoh: Syahbandar menziarahi bonda budak miskin apabila mengetahui kehilangan budak miskin.	[2+2]
(xii)	Belas kasihan / simpati terhadap orang lain Contoh: Syahbandar turut menangis kerana simpati akan bonda budak miskin yang bersedih dengan kehilangan anaknya	[2+2]
(xiii)	Kebijaksanaan dalam membuat perancangan Contoh: Budak miskin bijak mendapatkan tongkat sakti daripada hulubalang naga dengan memukul tongkat sakti di tepi kolam sebanyak tiga kali berturut-turut ketika hulubalang naga berendam menyebabkan hulubalang naga tersebut tidak dapat bergerak.	[2+2]
[Maksimum: 8 markah]		

(c) Adaptasi Syair		
(i)	Tema	2
(ii)	Bentuk	2
(iii)	Bahasa	2
(iv)	Kreativiti	2
Nota: 1. Jumlah rangkap yang dicipta kurang dari dua rangkap berikan maksimum 4 markah 2. Jika calon tidak menulis tajuk syair tolak 1 markah kreativiti 3. Jumlah rangkap yang dicipta oleh calon lebih dari 2 rangkap, periksa seperti biasa 4. Syair yang tidak menepati tema berikan 0 untuk markah tema		
[Maksimum: 8 markah]		
15 (a) Bentuk		
(i)	Mempunyai rangkap / berangkap Contoh: ada sepuluh rangkap	[1+1]
(ii)	Jumlah / Bilangan baris setiap rangkap adalah sama Contoh: dua baris serangkap	[1+1]
(iii)	Jumlah / Bilangan perkataan setiap baris tidak sama Contoh: empat hingga lima patah perkataan sebaris	[1+1]
(iv)	Jumlah / Bilangan suku kata setiap baris tidak sama Contoh: Lapan hingga dua belas suku kata sebaris	[1+1]
(v)	Rima akhir adalah sama Contoh: aa setiap rangkap	[1+1]
(vi)	Berbentuk terikat Contoh: Rima akhir adalah sama / bilangan baris setiap rangkap adalah sama	[1+1]
(vii)	Baris pertama ialah syarat Contoh: Orang malas jatuh sengsara	[1+1]
(viii)	Baris kedua ialah jawab Contoh: Orang rajin banyak saudara	[1+1]
(ix)	Ada jeda Contoh: Barang siapa / mungkir janji	[1+1]
[Maksimum: 4 markah]		

[Lihat halaman sebelah

(b) Sanjungan terhadap pengajaran		
(i)	Kita hendaklah rajin berusaha agar disenangi oleh orang lain Contoh: Orang rajin banyak saudara.	[2+2]
(ii)	Kita hendaklah menepati janji supaya tidak dipandang hina Contoh: Barang siapa mungkir janji, Namanya tentu menjadi keji.	[2+2]
(iii)	Kita hendaklah berfikir sebelum melakukan sesuatu / tindakan supaya tidak menyusahkan / mengaibkan maruah keluarga Contoh: Kalau diri kena angkara, Turutlah susah sanak saudara.	[2+2]
(iv)	Kita hendaklah menghindari / menjauhkan diri daripada maksiat supaya tidak terjebak dengan gejala negatif Contoh: Segala maksiat ada di dunia, Ikhtiarkan diri menjauhi dia.	[2+2]
(v)	Kita hendaklah adil dalam menjatuhkan hukuman supaya tidak berlaku penganiayaan Contoh: Hukuman bagi orang berdosa, Dengan tidak memandang bangsa.	[2+2]
(vi)	Kita hendaklah menjaga maruah kaum wanita agar tidak tercemar Contoh: Orang perempuan manusia juga, Kehormatan dirinya wajib dijaga.	[2+2]
(vii)	Kita hendaklah menjaga kesihatan diri demi kesejahteraan hidup Contoh: Ada wang badan tak sihat, Tidak bernikmat apa dibuat.	[2+2]
(viii)	Kita janganlah bertindak mengikut perasaan agar tidak menyebabkan kemudaratan Contoh: Jika diturut kehendak hati, Kelak boleh menjadi mati.	[2+2]
[Maksimum: 8 markah]		

15 (c) Pengkaryaan - Gurindam empat rangkap		
(i)	Tema	2
(ii)	Bentuk	2
(iii)	Bahasa	2
(iv)	Kreativiti	2
[Maksimum : 8 markah]		
Nota: 1. Jumlah rangkap gurindam yang dicipta oleh calon, kurang daripada empat rangkap, berikan 4 markah maksimum. 2. Jika calon tidak menulis tajuk gurindam, tolak 1 markah kreativiti. 3. Jumlah rangkap gurindam yang dicipta oleh calon lebih daripada empat rangkap, periksa seperti biasa. 4. Gurindam yang tidak menepati tema, berikan 0 markah tema.		

16 (a) Nada		
(i)	Nada romantis Contoh: Kasih setianya tidak bertakah Peribadi amanah, cendekia, berhemah. / Wanita, ibuku Kakakku, nenekku dan aku Anugerah-Nya yang istimewa amat Untuk umat sejagat.	2 2 2
[Maksimum: 4 markah]		
(b) Gaya bahasa		
(i)	Asonansi Contoh: Santun berteman kegelapan malam / Santun berteman kegelapan malam (pengulangan bunyi vokal a)	[1+1]
(ii)	Aliterasi Contoh: Kerap memeram, resah tersembunyi / Kerap memeram, resah tersembunyi (pengulangan bunyi konsonan r)	[1+1]
(iii)	Perlambangan Contoh: wanita ialah laut / laut	[1+1]
(iv)	Personifikasi Contoh: Tenang bermandi cahaya siang / Santun berteman kegelapan malam / Adakala gah mengulum gua sepi	[1+1]

[Lihat halaman sebelah

(v)	Responsi Contoh: Bersuara lantang <u>dalam</u> bisu Diam berkaca <u>dalam</u> bicara / dalam	[1+1]
(vi)	Anafora Contoh: <u>Adakala</u> tak tertafsir erti <u>Adakala</u> gah mengulum gua sepi / Adakala	[1+1]
(vii)	Sinkope Contoh: Adakala <u>tak</u> tertafsir erti / tak Wanita, ibuku / ku / <u>Asin</u> dan tawarnya bertempat / Asin	[1+1]
(viii)	Repetisi kata Contoh: dan / wanita / laut	[1+1]
(ix)	Repetisi baris Contoh: Dan	[1+1]
(x)	Metafora Contoh: gua sepi	[1+1]
(xi)	Paradoks Contoh: Bersuara lantang dalam bisu / diam berkaca dalam bicara	[1+1]
[Maksimum: 8 markah]		
(c) Pengkaryaan - Sajak		
(i)	Tema	2
(ii)	Bentuk	2
(iii)	Bahasa	2
(iv)	Kreativiti	2
[Maksimum: 8 markah]		
Nota: 1. Jumlah baris sajak yang dicipta oleh calon, kurang daripada tujuh baris, berikan empat markah maksimum. 2. Jumlah baris yang dicipta oleh calon, tujuh hingga sebelas baris, berikan satu markah maksimum untuk bentuk. 3. Jika calon tidak menulis tajuk sajak, tolak 1 markah kreativiti. 4. Jumlah baris sajak yang dicipta oleh calon lebih daripada lima belas baris, periksa seperti biasa. 5. Sajak yang tidak menepati tema sajak, berikan 0 markah tema.		

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT